

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan ekoran daripada amalan tidak bertanggungjawab harga barangan dengan sangat drastik, apakah langkah-langkah yang boleh diambil dalam mewujudkan kesedaran mengenai peranan tribunal pengguna bagi memastikan pengguna tahu akan hak mereka agar tindakan undang-undang boleh diambil sekiranya berlaku ketidakadilan dalam urusan niaga.

JAWAPAN:**Tuan Yang Di-Pertua,**

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) merupakan alternatif kepada mahkamah sivil untuk para pengguna membawa tuntutan untuk tebus rugi bagi pembelian barangan dan perkhidmatan terhadap penjual atau pembekal untuk hal perkara di bawah bidangkuasa TTPM yang diperuntukan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599].

Bagi meningkatkan kesedaran pengguna tentang hak, tanggung jawab dan perlindungan pengguna, TTPM telah mengadakan dua ratus dua puluh sesi Klinik TTPM yang dikendalikan oleh enam belas pejabat TTPM Negeri seluruh Malaysia termasuk ibu pejabat TTPM Putrajaya kepada masyarakat setempat, pelajar sekolah, siswa universiti dan industri. Pengerusi TTPM turut dijemput oleh media massa radio dan televisyen untuk program temubual mengenai isu-isu kepenggunaan semasa.